

Laman Web:
<https://pto.mlaw.gov.sg>

Telefon:
Tel: 1800-2255-529
Faks: (65) 6224-2858

Alamat:
The URA Centre (East Wing)
45 Maxwell Road #07-11
Singapura 069118

Waktu Operasi E-helper:
Isnin - Jumaat: 8.30pg - 5.00ptg

Bagaimana cara mengagihkan Wang CPF tersebut?

Jika orang yang meninggal dunia adalah seorang Muslim, kami akan mengagihkan wang tersebut selaras dengan Seksyen 112 daripada Akta Pentadbiran Hukum Islam menurut mazhab hukum Islam yang mereka amalkan. Sijil Warisan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah akan menyenaraikan nama waris dan bahagian mereka daripada pewarisan.

Jika orang yang meninggal dunia bukan seorang Muslim, kami akan mengagihkan wang CPFnya selaras dengan Akta Pewarisan Harta Pusaka Tidak Berwasiat. Akta tersebut menyatakan bahawa harta alih (contohnya, wang di dalam akaun bank) akan diagihkan mengikut undang-undang negara di mana orang tersebut telah bermastautin pada masa kematiannya. (Tempat bermastautin merujuk kepada tempat yang mereka anggap sebagai tempat tinggal tetap mereka. Ia tidak merujuk kepada kerakyatan atau alamat mereka.)

Jika orang yang meninggal dunia telah bermastautin di Singapura pada masa kematian mereka, kami akan mengagihkan wang CPFnya selaras dengan peraturan pengagihan di dalam Akta Pewarisan Harta Pusaka Tidak Berwasiat seperti yang dinyatakan dalam

Peraturan Pengagihan (Bukan Muslim)

Seseorang meninggal dunia tanpa wasiat, meninggalkan	Pengagihan
Suami atau isteri Tiada anak Tiada ibu atau bapa	Seluruh bahagian kepada suami atau isteri yang masih hidup.
Suami atau isteri Anak	Setengah bahagian kepada suami atau isteri yang masih hidup. Setengah bahagian untuk dikongsi sama rata antara anak-anak. Jika mereka telah meninggal dunia, anak-anak mereka. Ibu bapa tidak ada bahagian.
Anak Tiada suami atau isteri	Seluruh bahagian untuk dikongsi sama rata antara anak-anak dan, jika mereka telah meninggal dunia, anak-anak mereka. Ibu bapa tidak ada bahagian.
Suami atau isteri Ibu atau Bapa Tiada anak	Setengah bahagian kepada suami atau isteri yang masih hidup. Setengah bahagian untuk dikongsi sama rata antara ibu bapa yang masih hidup.
Ibu bapa Tiada suami atau isteri Tiada anak	Seluruh bahagian untuk dikongsi sama rata antara ibu bapa yang masih hidup.
Adik beradik Tiada suami atau isteri Tiada anak Tiada ibu bapa	Seluruh bahagian untuk dikongsi sama rata antara adik beradik. Jika mereka telah meninggal dunia, anak-anak mereka.
Datuk dan nenek Tiada suami atau isteri Tiada anak Tiada ibu bapa Tiada adik beradik atau anak-anak mereka	Seluruh bahagian untuk dikongsi sama rata antara datuk dan nenek yang masih hidup.
Bapa saudara dan ibu saudara Tiada suami atau isteri Tiada anak Tiada ibu bapa Tiada adik beradik atau anak-anak mereka Tiada datuk nenek	Seluruh bahagian untuk dikongsi sama rata antara bapa saudara dan ibu saudara yang masih hidup.

Menguruskan wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF) seseorang yang telah meninggal dunia

(Lembaran Maklumat 1)
24 Feb 2020



Bagaimana boleh saya ketahui jika orang yang saya sayangi mempunyai wang CPF dan jika mereka telah membuat penamaan yang sah?

Wang daripada Tabung Simpanan Pekerja (CPF) seseorang yang telah meninggal dunia akan diagihkan selaras dengan penamaan waris yang telah mereka buat semasa hayat mereka.

Anda perlu berhubung dengan Lembaga CPF sama ada orang yang telah meninggal dunia itu telah membuat penamaan yang sah bagi wang CPF mereka. Jika mereka telah melakukannya, Lembaga CPF akan membayar wang tersebut terus kepada orang yang telah mereka namakan (jika mereka berusia lebih daripada 18 tahun).

Jika orang yang telah meninggal dunia tidak membuat penamaan yang sah, Lembaga CPF akan menghantar wang CPF mereka kepada kami, menurut ketetapan undang-undang.

Lembaga CPF juga akan menghantar kepada kami wang CPF seseorang yang telah meninggal dunia jika orang yang dipilih untuk menerima wang tersebut di bawah 18 tahun (kecuali beliau adalah seorang balu).



Apa perlu saya lakukan supaya wang CPF itu diagihkan kepada saya?

Anda perlu membuat permohonan dalam talian di <https://eservices.mlaw.gov.sg/PTO/welcome.xhtml> supaya kami boleh menguruskan wang tersebut.

Anda juga perlu bersedia dengan SingPass anda untuk mengakses borang permohonan dalam talian kami. Anda boleh memohon SingPass anda di <https://www.singpass.gov.sg> jika anda belum mempunyainya. Jika anda tidak layak untuk SingPass, anda boleh memohon ID log masuk dan kata laluan melalui laman web kami di <https://pto.mlaw.gov.sg>.



Dokumen apakah yang perlu saya hantarkan kepada anda?

Lampiran A dan B menyatakan senarai dokumen yang kami perlukan. Jika anda tidak mempunyainya, pegawai kes anda akan menasihatkan anda apa yang perlu dilakukan selepas anda hantarkan kepada kami permohonan dalam talian anda. Untuk pembayaran balik perbelanjaan pengebumian, Lampiran C menyatakan senarai dokumen yang kami perlukan. Anda boleh mengambil salinan Lampiran A, B dan C dari pejabat kami atau mendapatkannya di laman web kami.

Jenis dokumen yang biasa kami perlukan adalah seperti berikut.

1. Sijil kematian orang yang telah meninggal dunia (si mati)
2. Sijil kelahiran si mati
3. Sijil perkahwinan si mati
4. Dekri nisi (jika si mati telah bercerai)
5. Sijil kelahiran waris
6. Kad Pengenalan waris
7. Sijil kematian waris (sekiranya waris telah meninggal dunia)
8. Sijil perkahwinan ibu bapa si mati
9. Sijil kematian ibu bapa (jika mereka telah meninggal dunia)
10. Sijil warisan (untuk orang Islam sahaja)
11. Oleh kerana bayaran akan dibuat secara elektronik, satu salinan halaman depan buku simpanan bank atau penyata bank mesti disediakan. Untuk permintaan pembayaran melalui akaun bersama atau akaun bank pihak ketiga, kedua-dua benefisiari dan pemegang akaun mestilah melaksanakan borang tanggung rugi (Borang 15) yang boleh didapati di laman web kami.

Jika orang yang telah meninggal dunia adalah seorang Muslim, anda perlu memohon Sijil warisan di <https://www.syariahcourt.gov.sg>.

Apakah yuran yang anda kenakan bagi menguruskan wang CPF?

Yuran yang kami kenakan bagi menguruskan wang CPF adalah seperti berikut.

Jumlah Wang CPF	Yuran
Bagi \$1,000 pertama	2.400%
Bagi \$9,000 seterusnya	1.500%
Bagi \$240,000 seterusnya	0.750%
Bagi \$250,000 seterusnya	0.450%
Bagi jumlah yang melebihi \$500,000	0.300%

Yuran ini, yang akan kami ambil daripada wang CPF, adalah termasuk GST dan tidak boleh dikecualikan. Anda perlu membayar yuran minimum \$15.

